

# RAMADHAN

Universiti Malaysia Perlis

Keluaran Khas Sempena Ramadhan

## PENGHAYATAN RAMADHAN AL-MUBARAK

### DEFINISI PUASA

Suatu bentuk ibadah kepada Allah S.W.T dengan meninggalkan sesuatu yang boleh membatalkan (puasa) mulai terbit fajar hingga terbenam matahari.

### HUKUM PUASA

Puasa Ramadan merupakan salah satu kewajiban setiap muslim yang baligh, berakal, mampu melakukan dan menetapkan (tidak bermusafir). Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.*

(Surah Al-Baqarah:183)

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: Islam dibangunkan di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tidak ada Tuhan kecuali Allah dan (bersaksi) bahawa Nabi Muhammad Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dibulan Ramadan dan pergi haji ke Baitullah Haram (Muttafaq Alaih)

### KEUTAMAAN BULAN RAMADAN DAN PUASA DI DALAMNYA

#### Al Quran diturunkan di dalamnya:

Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*Bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (pemulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang haq dan yang bathil)*

(Surah Al-Baqarah: 185)

#### Di dalamnya terdapat Lailatul Qadar

Yang Di sisi Allah S. W.T nilainya lebih baik dari seribu bulan, sebagaimana firmannya yang bermaksud:

*Sesungguhnya kami telah menurunkan (Al-Quran) pada malam kemuliaan (Lailatul Qadar) dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu? Malam Kemuliaan itu lebih baik dari seribu bulan.*

(Surah Al-Qadar: 1-3)

#### Doa Orang Yang Berpuasa di Maqbulkan Allah

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*Sesungguhnya di sisi Allah S.W.T pada saat berbuka terdapat orang-orang yang merdeka dari neraka. Dan hal tersebut terjadi pada setiap malam (Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)*

### Puasa Adalah Benteng Untuk Menjaga Kesucian Diri (Iffah)

Terbukti bahawa puasa sangat besar pengaruhnya dalam menjaga anggota badan (dari perbuatan maksiat) dan sebagai kekuatan jiwa oleh kerananya Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*Wahai para pemuda, sesiapa di antara kamu yang sudah mampu, maka berkahwinlah, kerana perkahwinan itu, dapat menundukkan pandangan dan menjaga kemaluan, siap yang tidak mampu (berkahwin) maka hendaklah dia puasa, kerana puasa merupakan pelindung (Muttafaq Alaih)*

### Puasa Sebagai Senjata Mukmin

Puasa adalah senjata di mana seorang yang sedang puasa berlindung dengannya dari api neraka. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*Puasa adalah senjata, orang yang sedang puasa berlindung dengannya dari api neraka (Riwayat Ahmad)*

### Puasa Merupakan Sebab Untuk Masuk Syurga

Jika Puasa dapat mencegah seseorang dari api neraka, itu bererti dia telah mendekatkan dirinya kepada syurga. Dari Umamah r. a. berkata:

*Ya Rasulullah tunjukkanlah kepadaku perbuatan yang dapat memasukkan aku ke dalam syurga. Maka Baginda bersabda: Hendaklah kamu puasa, tidak ada yang sebanding dengannya (An- Nasa'ee Ibnu Hibban dan Hakim)*

### Puasa dan Al-Quran Dapat Memberikan Syafaat Bagi Yang Melakukannya.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

*Puasa dan Al Quran menjadi syafaat bagi seorang hamba pada hari qiamat, puasa akan berkata: Ya Rab dia telah meninggalkan makanan dan syahwat, jadikanlah aku syafaat baginya, sedangkan Al Quran dan Puasa dapat memberi syafaat (Riwayat Ahmad dan Hakim dan sanadnya Hasan)*

### Ar Rayyan Bagi Orang-Orang Yang Berpuasa

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*Sesungguhnya di syurga terdapat pintu yang bernama AR RAYYAN. Orang-orang yang berpuasa akan masuk pada hari qiamat dan tidak ada seseorang pun yang masuk ke dalamnya selain mereka, jika mereka telah masuk maka syurganya ditutup dan tidak ada seseorang pun yang masuk ke dalamnya selain mereka (Muttafaq Alaih)*

### Orang Yang Berpuasa Diberi Ganjaran Yang Tidak Tempat Kecuali Oleh Allah S.W.T.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah berfirman: Setiap kebaikan dibalas dengan sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda. Puasa adalah untuk Ku dan Akulah yang membalasnya (Riwayat Al Tarmizi)*

## Puasa Adalah Ibadah Yang Hanya Diketahui Oleh Allah (Keikhlasan)

Allah S.W.T berfirman dalam hadith qudsi yang bermaksud:

*Puasa untuk Ku dan Akulah yang akan membalasnya, dia meninggalkan syahwat dan makan hanya kerana Ku (Hadith Riwayat Muslim)*

## Puasa Adalah Saluran Kepada Taqwa.

Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan kepada kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan kepada orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.*

(Surah Al-Baqarah: 183)

## Bau Mulut Orang-Orang Berpuasa Lebih Wangi Di Sisi Allah Dari Bau Kasturi

## Keampunan Bagi Orang Berpuasa Atas Dosa-Dosanya Yang Lalu.

*Siapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan iman dan ikhlas maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)*

## GOLONGAN MANUSIA PADA BULAN RAMADHAN

- Muslim baligh, berakal dan menetap Wajib baginya berpuasa, jika dia mampu melakukannya dan tidak terdapat padanya halangan.
- Anak kecil yang belum Baligh Tidak diwajibkan baginya berpuasa, namun harus diberi latihan berpuasa oleh ibubapa agar terbiasa.
- Orang yang tidak mampu berpuasa kerana sebab yang tetap seperti orang tua, orang sakit yang tidak diharapkan lagi kesembuhannya. Dia boleh berbuka dan memberi makan seorang miskin setiap hari.
- Orang sakit yang diharapkan kesembuhannya jika berat baginya untuk puasa dia dapat berbuka dan menggantinya (qadha) setelah sembuh
- Wanita Haid dan Nifas tidak boleh baginya melakukan puasa dan wajib baginya menggantikan puasa yang ditinggalkan itu (di waktu lain).
- Orang hamil dan menyusui Jika berat baginya untuk puasa kerana hamil atau menyusui atau khawatir akan keadaan anaknya, dia boleh berbuka dan menggantikannya tatkala keadaan atau kekuatirannya telah hilang.
- Musafir Dia boleh terus atau berbuka sesuai dengan keinginannya. Akan tetapi jika tidak mampu meneruskan puasa maka berbuka lebih utama berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*Allah menginginkan untuk mereka kemudahan dan tidak menginginkan untuk mereka kesusahan*

(Al Baqarah ayat 185)

Dan bagi sesiapa yang berbuka dia harus menggantikannya, sama ada musafirnya sebentar seperti umrah atau tetap seperti pemandu teksi.

- Orang yang terpaksa berbuka kerana harus menyelamatkan seseorang yang harus diselamatkan seperti tenggelam atau terjebak dalam kebakaran. Dia diharuskan berbuka dan kemudian menggantikannya.

## BAGAIMANA MENYAMBUT RAMADHAN

### Mencucikan Diri Sebelum Bertemu Dengan Ramadan

Hal tersebut dapat dilakukan dengan bertaubat kepada Allah dari segala dosa serta meninggalkan maksiat yang dilakukan. Siapa yang derhaka kepada kedua orang tuanya hendaklah dia berusaha untuk minta redha keduanya. Siapa yang memutuskan silaturrahim hendaklah dia menyambungnyasiapa yang biasa mendengar lagu-lagu dan muzik, dia harus menghentikannya dan menyiapkan dirinya untuk mendengarkan Al-Quran dan siapa yang melakukan riba hendaklah dia memutuskannya dan tidak makan kecuali dari hasil yang halal. Setiap orang hendaklah bermuhasabah akan lembaran kehidupannya sebelum tiba bulan Ramadhan.

### Menyusun Agenda Kegiatan Yang Akan Dilakukan Dengan Disiplin Selama Ramadan.

Sebagaimana seorang pedagang yang cerdik dan menggunakan kesempatan tersebut sebaik-baiknya, maka begitu jugalah seharusnya seorang muslim, dia menyusun agenda kerja yang bersepadu dalam rangka beramal soleh dan dilakukannya dengan disiplin selama bulan Ramadhan sehingga dia dapat mengambil keuntungan setiap saat yang terdapat di dalamnya. Dan hal tersebut juga akan memudahkannya untuk melakukan kaji selidik di penghujung bulan baik yang berlalu hanya sekali dalam setahun itu.

### Berdoa dengan penuh permohonan di dalamnya

Semoga Allah memberi kemudahan dalam melakukan puasa, beribadah di dalamnya serta melakukan setiap perbuatan yang diredhaiNya dan dijauhkan dari segala sesuatu yang dapat merosakan puasanya atau mengurangi pahalanya. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Doa adalah Ibadah"

### Saat melihat Hilai (bulan tanggal satu hijrah)

Saat melihat hilal hendaklah sorang muslim mengucapkan yang bermaksud:

*Ya Allah tampakkanlah bulan tanggal satu itu dengan membawa keamanan dan keimanan, keselamatan dan Islam. Tuhanku dan Tuhanmu adalah Allah, (semoga) hilal tersebut (petanda) petunjuk dan kebaikan (Riwayat Tarmizi)*

### PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

Jima' (bersetubuh): Orang yang bersetubuh pada siang hari bulan Ramadan batal puasanya dan dia wajib mengqada (menganti)nya juga wajib membayar kaffarat (denda) yang berat dengan memerdekakan budak beriman, jika tidak mampu (memerdekakan budak) maka dia wajib puasa selama dua bulan berturut-turut, jika tidak mampu maka dia harus memberi makan enam puluh orang miskin.

- Makan dan minum, apapun bentuk makan dan minumannya
- Melakukan suntikan yang mengandungi zat makanan
- Keluarnya darah haid dan nifas
- Mengeluarkan darah dengan cara berbekam dan yang semacamnya. Adapun keluarnya darah dengan sendirinya seperti terluka tidaklah membatalkan.
- Muntah dengan sengaja. Jika muntah tanpa sengaja tidaklah membatalkan
- Keluar mani dalam keadaan terjaga, baik onani, bercumbu, mencium atau yang semacamnya.